

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 12 TAHUN 2007

ELAUN TUGAS MEMANDU KENDERAAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan bagi melaksanakan pemberian Elaun Tugas Memandu Kenderaan kepada pegawai Perkhidmatan Awam.

LATAR BELAKANG

2. Elaun Tugas Memandu Kenderaan telah diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980. Elaun ini dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang jawatannya bukan Pemandu Kenderaan dan diarahkan oleh Ketua Jabatannya untuk memandu kenderaan Kerajaan.

PELAKSANAAN

Syarat Dan Kelayakan

3. Pegawai yang layak dibayar Elaun Tugas Memandu Kenderaan hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
- tugas hakiki pegawai bukan memandu kenderaan;
 - mempunyai lesen memandu kenderaan yang sah mengikut kategori kenderaan yang berkenaan;
 - bagi pegawai yang diarahkan untuk memandu bot Kerajaan, pegawai hendaklah mempunyai Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia;
 - diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk memandu kenderaan Kerajaan bagi menjalankan tugas-tugas rasmi jabatan; dan
 - memandu dan menguasai kenderaan berkenaan selama tidak kurang daripada 4 jam sehari.
4. Pemandu Kenderaan yang diarah untuk memandu bot Kerajaan adalah layak dibayar Elaun Tugas Memandu Kenderaan mengikut syarat-syarat di perenggan 3(c) hingga 3(e) di atas.

Kadar Elaun Tugas Memandu Kenderaan

5. Kadar Elaun Tugas Memandu Kenderaan adalah ditetapkan seperti berikut:

Jenis Kenderaan	Kadar Sehari
Kereta/ Van/ Lori/ Bot Berenjin	RM 5.00
Motosikal	RM 3.00

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Jun 2007**.


PEMBATALAN

7. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka perenggan 3.4, Lampiran 'C', Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

20 Julai 2007

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan